# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PUSAT LATIHAN POLIS (PULAPOL), KOTA KINABALU, SABAH

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

## Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kota Kinabalu, Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 06 September 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 19 September 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PUSAT LATIHAN POLIS (PULAPOL), KOTA KINABALU, SABAH

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

## Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam**

**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas**

**Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat**

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market / Restoran / Kedai Menjual Makanan | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PUSAT LATIHAN POLIS (PULAPOL), KOTA KINABALU, SABAH

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

## Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |